

Polis fail saman sita barang mewah Najib, Rosmah

> Pendengaran permohonan notis mungkin ambil masa sehingga sebulan

Oleh Siti Azila Alias
sitiiazila@bh.com.my

Kuala Lumpur

Polis mengesahkan memfailkan saman menyita barangan mewah bernilai RM711 juta milik bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, isteri, Datin Seri Rosmah Mansor serta beberapa yang lain, yang didakwa dibeli dengan wang I Malaysia Development Berhad (IMDB).

Ketua Pasukan Siasatan Jenayah Pengubahan Wang Haram (AMLA)

Urus Setia KPN, Bukit Aman, Datuk Khalil Azlan Chik, membuat pengesahan itu ketika dihubungi *BH*, semalam.

“Saya mengesahkannya.

“Notis (saman) itu difailkan di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur. Tarikh (pendengaran) akan ditetapkan oleh mahkamah,” katanya ringkas menerusi aplikasi WhatsApp.

Sebelum itu, *The Edge Market* melaporkan, dua notis usul dan affidavit sokongan bagi tujuan itu difailkan kerajaan dan polis di Mahkamah Tinggi, semalam.

Portal itu yang memetik sumber berkata, tindakan itu langkah susulan selepas polis menyita pelbagai barangan berharga di kediaman sekitar Bukit Bintang yang dikaitkan dengan Najib, tahun lalu.

Notis pertama

Difahamkan, notis pertama yang difailkan adalah menyita harta di Lembah Klang, wang tunai termasuk pelbagai mata wang asing,

barang kemas, beg tangan, jam tangan dan cermin mata hitam yang keseluruhannya bernilai RM680 juta.

Notis kedua adalah bagi menyita barangan bernilai RM31 juta, termasuk 27 kereta mewah, wang tunai termasuk pelbagai mata wang asing, 29 akaun bank, jam tangan dan beg.

Laporan itu turut menyebut, Superintendan Foo Wei Min, yang mengetuai siasatan kes berkenaan mengesahkan kewujudan affidavit yang menyokong tindakan untuk melucut hak harta terbabit.

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) juga dikatakan membantu pasukan itu dalam operasi serta siasatan kes berkenaan.

Bagaimanapun, Khalil Azlan berkata, pegawai kanan yang mengetuai pasukan AMLA adalah beliau sendiri dan bukan Superintendan Foo Me Win seperti dilaporkan portal terbabit.

Portal itu turut dilaporkan berkata, pendengaran bagi permoho-



Keratan akhbar BH
7 Mac lalu.

nan notis itu kemungkinan mengambil masa sehingga sebulan.

Kelmarin, Peguam Negara, Tommy Thomas mengesahkan Malaysia sudah menerima pemindahan pertama dana yang dikaitkan dengan IMDB sebanyak AS\$57 juta (RM236 juta) dari Amerika Syarikat (AS) yang disita daripada Red Granite Pictures.

Red Granite Pictures adalah syarikat pembikinan filem berpangkalan di AS yang dikaitkan dengan bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak dan anak tirinya Riza Aziz.

Pada 6 Mac lalu, Tan Sri Mohamad Fuzi Harun yang ketika itu Ketua Polis Negara, berkata sia-

satan terhadap barangan yang dirampas berkaitan kes IMDB) perlu dilengkapkan sebelum atau pada 16 Mei ini.

Beliau berkata, pihaknya mempunyai masa sehingga 16 Mei bagi menyimpan barangan yang dirampas dalam beberapa serbuan dijalankan Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Bukit Aman sejak 16 Mei tahun lalu termasuk di kediaman Najib.

Pada Jun tahun lalu, Pengarah JSJK ketika itu, Datuk Seri Amar Singh Ishar Singh dipetik berkata, jumlah keseluruhan nilai barangan dirampas dari kediaman Najib adalah antara RM900 juta hingga RM1.1 bilion.